

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK ROZMAN BIN ISLI  
[LABUAN]**

**TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**Datuk Rozman Bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bagi tempoh Mac 2020 hingga kini :-

- (a) berapa jumlah pelaburan domestik dan pelaburan langsung asing mengikut kategori pelaburan dan negeri yang terlibat; dan
- (b) jumlah pelabur yang keluar atau menamatkan pelaburan ke Malaysia bagi tempoh yang sama.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh Mac 2020 hingga Jun 2021, jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan ialah sebanyak RM151.1 bilion. Pelaburan ini melibatkan 1,270 projek dan dijangka akan menjana sejumlah 102,729 peluang pekerjaan baharu. Pelaburan domestik menyumbang sebanyak RM42.2 atau 27.9% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, manakala pelaburan asing menyumbang sebanyak RM108.9 bilion atau 72.1%.

Bagi kelulusan projek mengikut negeri, lima (5) buah negeri utama, iaitu Kedah, Selangor, Sarawak, Sabah dan Pulau Pinang menyumbang sebanyak RM113.4 bilion (75.0%) daripada jumlah pelaburan dalam sektor perkilangan yang diluluskan. Kedah merupakan negeri yang menerima jumlah pelaburan tertinggi dengan jumlah pelaburan sebanyak RM46.0 bilion (30.4%), diikuti Selangor dengan RM21.7 bilion (14.4%), Sarawak dengan RM16.3 bilion (10.8%), Sabah dengan RM16.3 bilion (10.8%) dan Pulau Pinang dengan RM13.0 bilion (8.6%).

Negeri utama yang menerima pelaburan asing tertinggi adalah Kedah dengan RM44.0 bilion (40.4%), diikuti Sarawak dengan RM15.8 bilion (14.5%), Selangor dengan RM11.1 bilion (10.2%), Pulau Pinang dengan RM8.9 bilion (8.2%) dan Perak dengan RM4.7 bilion (4.3%).

Manakala bagi pelaburan domestik, negeri-negeri yang mencatatkan pelaburan tertinggi adalah Sabah dengan RM12.0 bilion (28.4%), Selangor dengan RM10.6 bilion (25.1%), diikuti Johor dengan RM4.8 bilion (11.4%), Pulau Pinang dengan RM4.1 bilion (9.7%) dan Negeri Sembilan dengan RM2.6 bilion (6.2%).

Tuan Yang di-Pertua,

Dari Mac 2020 sehingga Jun 2021, terdapat sembilan (9) buah syarikat pengilangan asing yang terdiri daripada sektor tekstil, besi keluli dan jentera serta lain-lain sektor yang telah menamatkan operasi mereka

di Malaysia. Antara syarikat-syarikat yang menamatkan operasi di Malaysia ialah Esquel Malaysia Sdn Bhd dan Pen Apparel Sdn Bhd dalam sektor tekstil, manakala Bekaert Ipoh Sdn Bhd, HOWCO Metal Management Malaysia Sdn Bhd dan Transnorm System Sdn Bhd dalam sektor besi keluli dan jentera.

Terdapat beberapa faktor utama penamatan operasi syarikat-syarikat ini. Antaranya ialah penguncupan ekonomi global disebabkan oleh pandemik COVID-19 dan pasaran yang lemah berikutan penurunan dalam jualan dan permintaan di luar negara. Selain itu, peningkatan kos operasi, persaingan daripada pengeluar yang sama di pasaran tempatan dan luar negara, tiada permintaan bagi produk yang dikeluarkan dan penstrukturan semula syarikat juga merupakan antara faktor penamatan operasi syarikat.

Sungguhpun terdapat syarikat pengilangan asing yang terpaksa menamatkan operasi, Malaysia masih kekal utuh sebagai destinasi pelaburan utama bagi para pelabur di rantau ini. Hal ini terbukti apabila jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan utama dalam tempoh Januari ke Jun 2021 meningkat sebanyak 69.8% kepada RM107.5 bilion, berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun lalu (RM63.3 bilion).

Tuan Yang di-Pertua,

Walaupun negara berhadapan dengan cabaran dan risiko kelembapan ekonomi global dan ketidakseimbangan kewangan ekoran pandemik COVID-19 yang berterusan sejak Mac 2020, Kerajaan sentiasa komited dalam meneruskan usaha bagi menggalakkan pelaburan dalam negara dan seterusnya memastikan Malaysia kekal sebagai lokasi pelaburan yang kompetitif dan berdaya saing bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan negara.

Sekian, terima kasih.